

Dua pihak mesti dapat faedah yang seimbang

PM: Tukar konsep Ali - Baba

Oleh
ZAINUDDIN AYIP

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyarankan supaya konsep perniagaan 'Ali-Baba' yang kini lebih menguntungkan satu pihak sahaja ditukar kepada satu cara baharu yang memberi manfaat kepada kedua pihak — Melayu dan Cina.

Perdana Menteri berkata, konsep itu sebelum ini lebih memberi gambaran yang tidak sihat kerana dalam usahasama itu, 'Ali' hanya meminjamkan nama syarikatnya manakala 'Baba' pula yang mengusahakan syarikat itu.

"Ali hanya dibayar sagu hati dan diberi tugas-tugas kecil seperti menghubungi pegawai-pegawai kerajaan untuk kepentingan perniagaan 'Ali-Baba' itu sedangkan Baba pula diberi tanggungjawab mengendalikan perniagaan, hingga kadang-kadang Ali sendiri tidak mengetahui prestasi dan perjalanan syarikat," jelasnya.

Bellau berkata demikian di majlis "Malam Perpaduan Ekonomi" anjuran Majlis Bersama Dewan-Dewan Perniagaan Melayu-Cina Malaysia di sini. Hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Abdul Samad dan beberapa Timbalan Menteri.

Perdana Menteri menambah, konsep 'Ali-Baba' sekarang tidak memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak terutama kepada si Ali. "Ini disebabkan si Ali tidak berpeluang menggunakan kepintaran dan pengetahuannya dalam perniagaan itu," sebaliknya hanya bergantung kepada kebijaksanaan Baba menguruskan perniagaan syarikat itu," tambahnya lagi.

Si Baba pula, jelasnya, akan serba-salah kerana terlalu bergantung kepada si Ali terutama sewaktu membuat urusan dengan pegawai-pegawai kerajaan.

Perniagaan seperti ini adalah tidak sihat. "Si Ali dan Baba harus diberi tanggungjawab yang seimbang dan diberi pembahagian tugas yang sama banyak. Si Ali pula perlu dibimbing tentang cara-cara berniaga dari si Baba supaya memberi manfaat kepada kedua-dua pihak," jelasnya.

Sukar ditakrifkan

Bellau berharap dengan tertubuhnya Majlis Bersama Dewan-Dewan Perniagaan Melayu-Cina Malaysia ini, konsep 'Ali-Baba' yang lebih menguntungkan satu pihak sahaja dapat diubah sedikit berlandaskan semangat kerjasama dan saling bantu membantu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi jaminan, jika perniagaan secara usahasama ini berjalan baik, kerajaan bersedia menerima dan membantu, jika perlu supaya perniagaan itu terus maju.

"Jika perniagaan bertambah maju, ekonomi negara juga bertambah kukuh dan kerajaan juga turut sama menikmati keuntungannya," jelas bellau lagi.

Perdana Menteri berkata, sejak kebangkitan ini banyak syarikat Cina menggunakan nama-nama seperti Johan, Ganda dan sebagainya hingga sukar ditakrifkan bahawa syarikat itu kepunyaan orang Cina.

Ada juga syarikat Melayu yang menggunakan nama-nama asing hingga sukar dikesan bahawa syarikat itu adalah kepunyaan Melayu, katanya.

Bellau mensifatkan perkara ini sebagai tanda baik bahawa perniagaan itu seolah-olah tidak dipisahkan kerana kaum. "Ini menunjukkan Melayu - Cina kini harus saling bantu membantu dan mana-mana pihak tidak boleh bergerak berasingan," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap supaya masyarakat peniaga Cina tidak cemuru atau berkecil hati jika kerajaan memberi sedikit keutamaan kepada peniaga Melayu.

Kenyataan ini harus disedari kerana peniaga Melayu perlu digerakkan supaya bertumbuh maju, katanya sambil menyatakan rasa puashati kerana semakin ramai usahawan Melayu yang berjaya sejak kebelakangan ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 5802

No. Penerimaan 119 / 86